



**BERJAYA SCHOOL OF HUMANITIES & SOCIAL SCIENCES  
Faculty of Liberal Arts**

**FINAL EXAMINATION**

Student ID (in Figures) : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Course Code & Name : **MPU3212 Bahasa Kebangsaan A**  
Trimester & Year : May - August 2018  
Lecturer/Examiner : Normaizura Md Zain  
Duration : 2 Hours

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. This question paper consists of 2 parts:  
PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.  
PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa  
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

**Total Number of pages = 12 (Including the cover page)**

## BAHAGIAN B

**SOALAN 1** : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**  
**ARAHAN** : Jawab semua soalan di bawah ini.

---

### PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

#### Petikan (i)

*Baca sajak di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

**Asap** oleh *Maya Iza Azizan*

Asap  
mengapakah  
bisamu  
memedihkan mataku  
menangis – tanpa dosa ?

Asap  
mengapakah rongga-ronggamu  
semakin lama semakin membesar  
dan aku tenggelam lemas  
tanpa airnya?

Asap  
hanya satu jantungku ini  
telah kau rampas  
berjuta-juta yang lain  
tua dan muda  
tanpa belas.

Asap,  
tidak dapat kurasai  
dengan sentuhan  
tetapi bahangmu cukup  
memusnahkan segala  
tanpa apinya.

1. Apakah tema sajak di atas? **(2 markah)**
2. Apakah **DUA (2)** nilai murni yang terdapat dalam sajak di atas? **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, apakah **DUA (2)** langkah yang sesuai dilakukan untuk menjaga kebersihan alam sekitar? **(4 markah)**

## **Petikan (ii)**

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Pada masa ini, bahan semula jadi lebih cenderung digunakan berbanding dengan bahan kimia. Oleh sebab itu, produk pelengkap atau alternatif dicari untuk memperbaiki kesihatan dan penampilan diri. Satu daripada produk yang dicari ialah minuman berfungsi. Minuman berfungsi ialah minuman yang diperkaya dengan bahan tambahan untuk memberikan manfaat kesihatan tertentu. Ada pelbagai bentuk minuman berfungsi dalam pasaran. Sebagai contoh, minuman berasaskan susu, jus, minuman isoton, minuman bertenaga dan minuman herba.

Pelbagai bahan tambahan digunakan dalam minuman berfungsi seperti oligosakarida, kacang soya dalam minuman ringan, *bifidobacterium breve* yakult ke dalam susu fermentasi, serabut diet seperti *psilium husks* dalam minuman serbuk dan isoflavon soya dalam minuman teh. Minuman berfungsi berupaya menenangkan dan membantu menghalang atau merawat penyakit jantung. Bagi golongan dewasa pula, minuman tersebut mampu menurunkan masalah berat badan, kawalan kolesterol, pengurangan tekanan dan peningkatan metabolisme. Manakala bagi golongan muda pula, minuman ini dapat meningkatkan kecergasan mental dan mampu memberi tumpuan kepada mereka ketika belajar. Ada juga minuman yang dihasilkan khusus untuk wanita mengandung atau wanita selepas menopause untuk keseimbangan dalaman.

Di Eropah dan Asia, masalah obesiti makin meningkat disebabkan oleh amalan pemakanan yang tidak sihat. Jus buah yang diperkaya dengan vitamin dan mineral, serta prebiotik dan probiotik minuman coklat ringan dihasilkan untuk membantu golongan remaja dan kanak-kanak bagi mengatasi masalah obesiti. Selain itu, tumpuan juga diberikan kepada golongan bayi dan kanak-kanak kecil. Minuman berfungsi dalam bentuk makanan cecair gantian yang diperkaya, minuman serbuk dan jus buah dihasilkan dengan tujuan untuk meningkatkan kecerdasan mental dan prestasi serta menambah baik penghidratan semula kanak-kanak kecil. Sehubungan dengan itu, minuman berfungsi menjadi segmen paling *pesat berkembang* disebabkan oleh beberapa faktor seperti mesra pengguna dan memenuhi permintaan pengguna dari segi kandungan, saiz, bentuk dan rupa. Seterusnya, minuman berfungsi juga mudah diedarkan dan disimpan oleh pengguna.

Kini, trend baharu timbul dengan pelbagai ubat herba didapati dalam bentuk minuman. Minuman yang mengandungi vitamin, mineral dan ekstrak botani dan herba, seperti *ginko* dan *echinacea* menjadi sangat popular dalam kalangan pengguna. Di Malaysia, minuman berfungsi yang makin mendapat tempat di hati pengguna ialah minuman herba. Minuman berherba ini mampu mencantikkan wajah dan mengelakkan penuaan. Di samping itu, kebaikan minuman berherba dapat merawat pelbagai penyakit seperti diabetes, kolesterol dan tekanan darah tinggi.

Minuman herba ini boleh didapati di kedai herba, kedai ubat tradisional dan kebanyakan farmasi atau secara dalam talian. Kesimpulannya, pengambilan minuman berfungsi sangat penting dalam kehidupan masyarakat. Namun demikian, Kementerian Kesihatan Malaysia menasihati pengguna agar sentiasa menyemak status produk bagi memastikan keselamatan produk minuman yang diambil.

*(Dipetik dan diubah suai daripada 'Minuman Berfungsi Peningkat Kecergasan' oleh Nurraihana Hamzah, Dewan Kosmik, Januari 2016)*

1. Berikan maksud rangkai kata *pesat berkembang*. (2 markah)
2. Penulis mengatakan bahawa ada beberapa faktor yang menyebabkan minuman berfungsi paling pesat berkembang di pasaran. Nyatakan **DUA (2)** faktor tersebut. (2 markah)
3. Kesedaran masyarakat terhadap pengambilan minuman berfungsi semakin tinggi. Pada pendapat anda, apakah **TIGA (3)** peranan media massa dalam menggalakkan masyarakat mengambil minuman berfungsi? (6 markah)

**TATABAHASA (20 markah)**

*Bahagian ini mengandungi DUA (2) soalan WAJIB dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.*

- a) Tulis ayat berdasarkan setiap peribahasa di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.

- I. ingat
- II. ingatan
- III. peringatan
- IV. mengingatkan
- V. beringat-ingat

(10 markah)

- b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

- I. Taugeh antara sayur yang tidak digemar oleh ayah kerana bau dan rasanya tidak enak.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
 Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

- II. Kerajaan bersetuju untuk melantik akitek perunding dari luar negara bagi mengenal pasti kerosakkan struktur stadium yang runtuh.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
 Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

III. Pada era tahun 60-an, kegemilangan muzik klasik bercapai tahap kemuncak dan kegilaan orang ramai.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

IV. Kawasan rekreasi diwujudkan bagi memberi peluang kepada anggota masyarakat untuk beriadah.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

V. Semua audien diminta berdiri apabila mengumumkan kedatangan tetamu kehormat.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

**(10 markah)**

**SOALAN 2 : SOALAN ESEI (30 MARKAH)**

**ARAHAN** : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

---

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

**Soalan 1**

Sejak belakangan ini, perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia begitu kukuh. Terangkan implikasi perpaduan kepada rakyat dan negara.

**Soalan 2**

Bahan picisan semakin mendapat sambutan hangat dalam kalangan golongan muda. Bincangkan kesan-kesan negatif pembacaan bahan picisan ini terhadap golongan remaja.

**Soalan 3**

Tuliskan sebuah cerita berdasarkan peribahasa, “bagai tikus membaiki labu”.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**